

*Artikel Penyelidikan*

# Peranan Jabatan Penjara Malaysia dalam konteks pemulihan penghuni tirai besi menurut Dato Ab Basir bin Mohamad.

Siti Aishah Mokhtar<sup>1\*</sup>, Noor Arina Md Arifin<sup>2</sup>, Siti Aisyah Izzati Nordin<sup>3</sup>, and Aina Nadia Zailani<sup>4</sup>

<sup>1</sup> UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  ORCID ID 0009-0005-8916-0856

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  ORCID ID 0000-0002-2900-0026

<sup>3</sup> UiTM Cawangan Kelantan; aisyhizztnrdn@gmail.com

<sup>4</sup> UiTM Cawangan Kelantan; ainazingq23@gmail.com

\* aishah835@uitm.edu.my; +0133869763.

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan dan fungsi Jabatan Penjara Malaysia dalam konteks pemulihan penghuni tirai besi atau banduan. Jabatan Penjara Malaysia merupakan salah satu organisasi atau jabatan kerajaan yang berada di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat dalam membantu memelihara penghuni tirai besi penjara yang memerlukan perhatian khusus dan menyediakan program bermanfaat kepada mereka. Ini selari dengan misi Jabatan Penjara Malaysia iaitu membentuk insan produktif melalui pemulihan yang efektif. Penjara sebenarnya bukan sahaja tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan namun lebih kepada sebagai organisasi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang lebih baik seiring dengan agenda kerajaan dalam mengurangkan kadar jenayah. Di harap melalui kajian ini, masyarakat akan lebih mengetahui tentang peranan Jabatan Penjara Malaysia dan menghargai usaha-usaha Jabatan Penjara Malaysia dalam proses pemulihan banduan untuk dibebaskan sebagai warga yang produktif kepada masyarakat.

*Kata kunci:* Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Penjara Sejahtera, pemulihan, banduan, parol.



**Copyright:** © 2022 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Jabatan Penjara Malaysia adalah salah satu organisasi di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Misi Jabatan Penjara Malaysia adalah memantap dan memperkuuhkan modal insan berkompeten melalui latihan efektif, persekitaran pembelajaran kondusif dan pengintegrasian strategik manakala objektif Jabatan Penjara Malaysia adalah memantapkan sumber manusia sebagai peneraju perkhidmatan korektif melalui latihan berterusan untuk kecemerlangan jabatan. Secara umumnya, kita mengetahui bahawa fungsi jabatan penjara adalah untuk menahan dan menghukum banduan. Namun begitu setara dengan perkembangan masa kini, konsep penjara tidak hanya tertumpu kepada menahan dan menghukum banduan, malah Jabatan Penjara Malaysia juga bertanggungjawab untuk memulih dan membentuk banduan supaya menjadi insan yang berguna sekembalinya mereka kepada masyarakat.

Pada masa kini, Jabatan Penjara Malaysia telah berjaya merealisasikan misi jabatan iaitu untuk menahan banduan dan juga menjalankan pemulihan ke atas banduan. Pada harini, Jabatan Penjara Malaysia mempunyai pegawai penjara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pelajaran seperti

psikologi dan sebagainya. Pegawai penjara yang berfikiran terbuka mampu bersama-sama jabatan dalam usaha membantu memulihkan banduan. Di samping itu, Jabatan Penjara Malaysia pada masa kini juga mempunyai segala kemudahan yang diperlukan dan mencukupi untuk menjalankan tugas berbanding dengan masa dahulu. Seterusnya, Jabatan Penjara Malaysia turut menyediakan pelbagai program pemulihan untuk banduan di dalam penjara bagi mempergiat usaha mereka untuk melahirkan banduan yang produktif.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian ini mendapati bahawa penjara juga mengalami masalah yang berlaku dalam kalangan banduan contohnya seperti tidak mengikuti arahan yang diperintahkan oleh pihak penjara. Di dalam proses pemulihan, amatlah penting sekiranya perkara ini perlu dipatuhi oleh setiap banduan contohnya seperti mengikuti segala program dan aktiviti pemulihan yang dianjurkan oleh pihak penjara. Perkara ini perlu diadaptasikan supaya pihak tertentu bertindak mengikut syarat piawaian yang telah termaktub di dalam mengawal banduan-banduan ini. Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengambil langkah proaktif disamping melakukan kajian dalam merencanakan beberapa program pemulihan untuk memastikan matlamat jabatan tercapai. Oleh itu amatlah penting sekiranya perkara ini perlu dikawal supaya banduan dapat memberi kerjasama dengan baik. Selain itu, banduan yang tidak mengikuti arahan kerana mengalami masalah tekanan yang melampau menyebabkan mereka tidak mahu mengikuti program yang dianjurkan perlu diatasi dengan segera.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

- 3.1 Untuk mengkaji peranan Jabatan Penjara Malaysia di dalam proses pemulihan banduan.
- 3.2 Mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan peranan Jabatan Penjara Malaysia sebagai salah satu jabatan yang berada di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.
- 3.3 Memberi pendedahan tentang aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia di dalam usaha pemulihan banduan.

## **4. PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan yang terdapat di dalam kajian ini adalah:-

- 4.1 Apakah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam proses pemulihan banduan.
- 4.2 Apakah fungsi Jabatan Penjara Malaysia di dalam memastikan kesejahteraan negara.
- 4.3 Apakah program-program yang telah dirancang oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam proses pemulihan banduan.

## **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Penyelidikan ini amatlah penting kerana ianya dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan dan peranan Jabatan Penjara Malaysia. Justeru itu adalah penting untuk membuka mata masyarakat bahawa pusat pemulihan adalah tempat untuk membantu banduan-banduan mencapai wawasan kendiri serta jati diri disamping untuk memulihkan akhlak mereka agar menjadi masyarakat yang berguna kepada negara. Seterusnya, model pemasyarakatan yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk membimbing dan memberi panduan kepada banduan ke arah yang lebih baik. Secara asasnya ini melibatkan banduan-banduan didalam program yang dianjurkan dibawah pihak Jabatan Penjara Malaysia. Fasa ini adalah untuk membentuk banduan dari konteks kepatuhan disiplin, sivik, kesihatan diri dan juga kebersihan diri.

Konteks seterusnya adalah untuk membentuk pengukuhan sahsiah diri seperti bimbingan dan pendidikan, akhlak dan kesejahteraan dan sokongan yang padu didalam keluarga serta masyarakat. Banduan-banduan yang menyertai dan menjalani program ini mendapat manfaat dan dapat

membentuk jati diri dengan lebih baik disamping mereka juga diberikan kemudahan ketika menjalani program-program yang dianjurkan. Kepentingan Jabatan Penjara Malaysia kepada negara adalah sangat penting kerana jabatan ini merupakan tunjuk keadilan dan mempunyai peranan yang tinggi untuk diuar-uarkan dan ditunjukkan kepada masyarakat bahawa sistem penjara adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu bersifat adil kepada semua insan amatlah penting, disamping untuk memajukan negara didalam konteks rakyat yang majmuk sesama sendiri.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Sejarah lisan sebagai satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang di mana melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Siti Roudhah, et al. (2012)

Penjara merupakan tempat atau bangunan di mana penjenayah atau orang yang didapati bersalah dikurung dalam suatu jagaan yang ketat seperti jel sebagai hukuman ke atas kesalahan yang disabitkan menerusi penguatkuasaan undang-undang (Abdullah. S, 2001). Jabatan Penjara Malaysia adalah salah satu Jabatan yang terdapat dibawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Secara umumnya, kita mengetahui bahawa fungsi Jabatan Penjara Malaysia adalah untuk melaksanakan perintah penahanan keatas banduan oleh pihak berkuasa sehingga tamat sesuatu tempoh yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Namun begitu, ramai yang tidak mengetahui fungsi lain Jabatan Penjara Malaysia iaitu menjalankan proses pemulihan ke atas banduan. Jabatan Penjara Malaysia begitu komited dalam merangka pelbagai program-program pemulihan keatas banduan dalam usaha untuk memastikan banduan ini tidak melakukan jenayah yang berulang sebaik sahaja mereka dibebaskan dari penjara kelak.

Sehingga hari ini, kita dapat melihat perkembangan positif Jabatan Penjara Malaysia didalam aspek pemulihan banduan. Penambahbaikan terhadap kaedah pemulihan dilaksanakan secara berterusan, menepati kepada keperluan pesalah mengikut kategori mereka. Menurut Hasnizam. H (2021), pemulihan adalah satu proses penyaluran semula banduan kepada nilai dan peraturan masyarakat yang secara amnya diperkenalkan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada pesalah dan sebagai persediaan awal kepada mereka untuk pengintegrasian dan penyesuaian semula ke dalam masyarakat sebelum mereka dibebaskan. Di samping itu, menurut Hasnizam et al., (2021) pemulihan pula memastikan penghuni penjara diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada mereka.

Abdullah. S. (2001) menyebut bahawa hukuman penjara di sisi Islam terletak di bawah hukuman ta'zir kerana tiada peruntukan yang jelas mengenai hukuman penjara samada berkaitan di bawah perlaksanaan hukum hudud mahupun qisas. Selain itu, (Abdullah, 2001) juga menyebut bahawa, Piagam Institusi Penjara Malaysia sendiri menjanjikan untuk menyediakan tempat kurungan yang selamat dan layanan yang berperikemanusiaan kepada banduan, juga mempastikan banduan menerima program pemulihan yang bersesuaian. Dari kenyataan ini, jelas dapat dilihat bahawa Jabatan Penjara Malaysia tidak hanya fokus kepada penahanan dan hukuman banduan, malah mereka juga menitik beratkan pemulihan terhadap banduan yang ditahan. Memetik dari Dato' Seri Zulkifli bin Omar (2014) yang merupakan Ketua Pengarah Penjara ketika itu berkata, terdapat tiga tujuan utama hukuman penjara iaitu pembalasan, pengajaran dan pemulihan di mana peranan penting yang perlu dilaksanakan oleh bpihak penjara ialah menahan, melindungi dan memulihkan banduan. Penjara sebenarnya bukan sahaja tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik insan pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggung jawab setelah mereka kembali ke pangkuhan masyarakat.

Seterusnya, (TKPj Jamaludin, 2015) juga berkata, Program Pemulihan Pemasyarakatan ini secara umumnya boleh melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO's). Melalui program-program pemulihan begini, banduan juga memperolehi pelbagai manfaat seperti pengalaman, mempelajari pelbagai perkara baharu disamping memperoleh pendapatan. Hal ini demikian kerana, (TKPj Jamaludin, 2015) berkata, hasil daripada upah yang diperolehi dengan menyertai program ini juga membolehkan mereka menyumbang secara ekonomi kepada pendapatan keluarga. Sinar Harian (2021) melaporkan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) mengambil pendekatan melaksanakan program pemulihan sebagai persediaan untuk bekas penghuni penjara menghadapi dunia luar selepas bebas kelak. Jabatan Penjara Malaysia (JPM) mengambil pendekatan melaksanakan program pemulihan sebagai persediaan untuk bekas penghuni penjara menghadapi dunia luar selepas bebas kelak. Misi JPM adalah untuk melahirkan insan yang korektif berdasarkan program pemulihan efektif dengan menyediakan empat fasa program pemulihan.

Jabatan Penjara Malaysia juga mengajak syarikat-syarikat besar untuk bersama-sama terlibat dalam program pemulihan banduan, bagi membolehkan penghuni penjara menyumbang kepada produktiviti negara. Program pemulihan dalam komuniti secara berpusat jabatan itu, sudah melibatkan hampir 300 buah syarikat perusahaan kecil dan sederhana, namun jika ada syarikat besar terlibat sama, maka lebih ramai lagi banduan akan dapat menyertainya (Bernama, 2022). Media Baharu (2022) melaporkan statistik Jabatan Penjara menunjukkan sebanyak 85 peratus bekas banduan berjaya menjalani kehidupan tanpa jenayah selepas dibebaskan. Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) juga turut memainkan peranan menyokong usaha pembangunan Unit Agama dan Kaunseling penjara dengan menyalurkan sumbangan bagi pemantapan program agama dan dakwah. Di sini kita bagi ilmu agama, Program Pembangunan Insan (PPI), kita juga ada program-program pemulihan dadah, kita ada program psikopendidikan untuk menyuntik semangat dan motivasi supaya mereka bersedia serta berkebolehan.

KDN (2015), Jabatan Penjara Malaysia memberi khidmat kepada masyarakat dengan menahan mereka yang dihukum oleh mahkamah bagi menjamin keselamatan awam dan pada masa yang sama, membantu untuk memulihkan banduan atau tahanan supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang berfaedah serta mematuhi undang-undang semasa dalam tahanan dan selepas dibebaskan. Penjara merupakan tempat untuk menahan seseorang yang telah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah atas kesalahan jenayah atau penahanan seseorang yang sedang menunggu untuk perbicaraan.

## 7. METODOLOGI

Temubual sejarah lisan telah dijalankan secara atas talian iaitu *Google Meet* pada 15 Julai 2021 untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan peranan tokoh sebagai ketua penjara Pahang dan sumbangan beliau, disamping peranan Jabatan Penjara Malaysia. Tokoh yang ditemubual adalah Dato Ab Basir bin Mohamad selaku Pengarah Penjara Negeri Pahang yang berumur 59 tahun dan berkhidmat di jabatan penjara selama *sepuluh tahun* [10] tahun. Beliau berkhidmat di Jabatan Penjara Negeri Pahang sebagai pengarah. Tujuan tokoh dipilih untuk kajian adalah kerana pengalaman yang ada pada beliau sepanjang perkhidmatan beliau dengan jabatan penjara.

## 8. HASIL KAJIAN

Perkembangan jabatan penjara sudah cukup maju dengan kehadiran pegawai dan anggota yang berpelajaran, berfikiran terbuka dan bersedia menyahut perubahan yang positif. Jabatan penjara sudah menambah baik dari segi perkhidmatan yang diberi disamping mempunyai kemudahan-kemudahan yang dapat untuk melaksanakan tugas pemulihan seperti adanya bidang kaunseling dan psikologi yang terlatih untuk membantu memulihkan banduan-banduan yang menjalani hukuman penjara supaya mereka boleh kembali kepada masyarakat dengan harapan, ilmu pengetahuan, kemahiran yang diperoleh sepanjang menjalani hukuman.

Cabarannya dalam jabatan penjara adalah untuk memulihkan banduan-banduan walaupun dari segi keselamatan sudah ada peralatan yang cukup tetapi dari segi pemulihan masih lagi kekurangan kepakaran-kepakaran terutamanya dalam bidang psikologi. Selain itu, pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang pemulihan tidak mendapat latihan secara formal. Oleh itu, banyak usaha-usaha yang dilakukan oleh jabatan antaranya adalah apabila banduan berada di dalam penjara, pegawai psikologi akan mengukur dari segi ketahanan dan ketahanan perasaan dengan menggunakan KYKO (know yourself know others). Ini bagi membantu untuk mengetahui sifat banduan dan juga dari segi tekanan. Jabatan penjara juga menyediakan khidmat kaunseling bagi yang memerlukan selain juga menyediakan kemudahan untuk berkomunikasi dengan keluarga samada melalui video, telefon atau sebagainya.

Agenda keselamatan adalah salah satu agenda utama sesebuah negara. Ini adalah kerana keselamatan boleh memberi banyak peluang untuk pembangunan masyarakat. Oleh itu, untuk menjaga keamanan negara hukuman yang sewajarnya harus diberikan terhadap tindakan jenayah yang dapat mengancam keselamatan dan menghalangi perkembangan dan kemajuan sosial. Namun, harus difahami bahawa dalam aspek-aspek yang memerlukan perhatian untuk menghindari kejadian berulang, peranan hukuman tidak hanya diletakkan pada tanggungjawab dalam bentuk hukuman, bahkan aspek pemulihan mereka tetap dipertahankan didalam membentuk banduan menjadi manusia yang berguna serta dapat menginsafkan diri.

Oleh tu, peranan jabatan penjara didalam hal ini adalah sangat penting bagi memastikan banduan banduan dapat memperolehi sesuatu yang berguna serta penting yang dapat memberi kebaikan kepada mereka setelah melalui program pemulihan yang dijalankan.

## 9. KESIMPULAN

Jabatan Penjara Malaysia dilihat sebagai satu organisasi keselamatan yang amat penting dan kritikal terutama dalam mendepani cabaran jenayah era moden yang bersifat global. Jabatan Penjara Malaysia dilihat begitu optimis dalam menjayakan agenda pemulihan agar setiap insan yang menjadi penghuni tirai besi mahupun yang telah bebas dari tembok penjara mendapat didikan sempurna dan berubah ke arah kehidupan lebih baik.

Jabatan Penjara Malaysia terus komited bagi membantu kebajikan banduan dengan merangka pelbagai program dan aktiviti sebagai pendedahan kepada mereka sebelum kembali ke pangkuhan masyarakat agar mereka lebih bersedia dan yakin serta mudah untuk diterima oleh masyarakat. Dengan beberapa langkah proaktif yang telah diambil oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia, ianya diharap agar banduan yang akan bebas nanti mempunyai kesedaran untuk berubah serta tidak lagi mengulangi kesilapan yang lalu dan menjadi warga yang baik serta bermanfaat kepada masyarakat selain mampu menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.

## Rujukan

Abdullah Yusof. (2019, August 3). Konsep Penjara Islam: Tinjauan Aktiviti Institusi Penjara Dan Pengalaman Para Banduan Di Penjara Malaysia. Jurnal Syariah. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22918>.

Anon. 2012. Sejarah Penjara. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/sejarah> [2 Mac 2015]

Bernama. (2022). Penjara Malaysia ajak syarikat besar serta program pemulihan banduan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjara-malaysia-ajak-syarikat-besar-sertai-program-pemulihan-banduan-366824> 17 Jun 2022

Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ucapan Perasmian, Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia, 16 Oktober 2014, Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Hasnizam Hashim, Hendun Abd. Rahman Shah, Ahmad Syukran Baharuddin, Mualimin Mochammad Sahid, Syaryanti Hussin. (2021). Program Pemulihan Luar Penjara bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Islamiyyat* 43(Isu Khas), 143-151. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/islamiyat/article/viewFile/48472/11950>.

Media Baharu. (2022). Program Pemulihan dalam penjara bantu banduan jadi modal insan produktif. Laporan Khas. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/laporan-khas/47702-program-pemulihan-dalam-penjara-bantu-banduan-jadi-modal-insan-produktif> 26 September 2022.

Pamflet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.

Sinar Harian. 2021. Program pemulihan di penjara bantu bekas banduan hadapi dunia luar. <https://www.sinarharian.com.my/article/173896/BERITA/Nasional/Program-pemulihan-di-penjara-bantu-bekas-banduan-hadapi-dunia-luar>. 22 November 2021.

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar Dan Noor Azlinda Wan Jan. (Penukilan Ilmu Baru Melalui Sejarah Lisan) [Http://Eprints.Usm.My/34074/1/10\\_Radia\\_12.Pdf](Http://Eprints.Usm.My/34074/1/10_Radia_12.Pdf)

TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua anjuran Kumpulan Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.